

# PENERANGAN MENGENAI :

- ❖ IHRAM
- ❖ TAWAF
- ❖ SAEI
- ❖ GUNTING/ CUKUR



# IHRAM

نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ وَ أَخْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى،  
لَبَيْكَ اللَّهُمَّ بِعُمْرَةِ

*“Aku berniat Umrah dan berihram  
untuknya kerana Allah ta’ala”*

Sunnah2

Solat sunat ihmam

Pakaian

Niat

# SUNAT-SUNAT IHRAM

## SEBELUM BERIHRAM

1. Mengetip kuku, mencukur misai dan bulu-bulu di badan.
2. Mandi sunat ihram.
3. Mewangi-wangikan tubuhnya.
4. Lelaki melepaskan pakaian yang berjahit.  
(wajib)
5. Mengenakan kain dan rida berwarna putih dan selipar.
6. Solat 2 rakaat Sunnah ihram.
7. Berniat ihram (rukun) di hati di miqat (wajib), dan Sunnah melafazkannya mengadap qiblat.

## SEDANG DALAM IHRAM

1. Setelah berniat di hati, teruskan dengan membaca talbiah (Sunnah). Sehingga mula tawaf (umrah) / sehingga melontar jamrah aqabah (haji)
2. Menguatkan suara bagi lelaki dan perlahan bagi wanita.

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ

لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ

إِنَّ الْحَمْدَ وَ النِّعْمَةَ

لَكَ وَ الْمُلْكُ . لَا شَرِيكَ لَكَ

# LARANGAN-LARANGAN IHRAM

1. Memakai pakaian yang bersarung termasuk kasut (lelaki).
2. Menutup kepala atau sebahagiannya (lelaki).
3. Menutup muka (wanita) atau memakai sarung tangan.
4. Menghilangkan bulu di badan.
5. mengetip kuku.
6. Berwangi-wangian.
8. Memburu binatang darat yang blh dimakan.
9. Memotong, menebang atau mencabut tumbuh-tumbuhan di tanah haram.
10. Bernikah.
11. Bersetubuh. (sebelum tahallul awal membatalkan haji/umrah)
12. Berseronok dengan isteri sehingga menaikkan syahwat seperti bersentuhan, berpeluk dan bercium.

# NIAT BERSYARAT

- Niat bersyarat **digalakkan** bagi mereka yang khuatir tidak dapat melaksanakan haji atau umrah setelah berniat, disebabkan sakit atau haidh dan seumpamanya.
- Dengan cara ini dia boleh keluar dari ihram haji atau umrah jika berlaku keuzuran.
- Maka dia keluar dari ihram dengan **bergunting/ bercukur** tanpa perlu mengeluarkan dam.

## Cara niat bersyarat :

“Aku niat mengerjakan haji/umrah, dan aku berihram untuknya. Dan sekiranya aku dihalangi oleh sakit/haidh/ditahan, maka aku niat keluar daripada ihram haji/umrah tanpa menyembelih kambing.”

# TAWAF


PERBUATAN MENGELILINGI KAABAH

## ➤ SYARAT SYARAT TAWAF:

1. Suci daripada dua hadas
2. Suci daripada najis pada pakaian, badan dan tempat tawaf.
3. Menutup aurat.
4. Niat tawaf (*sunnah / nazar*)
5. Bermula dari hajar aswad.
6. Baitullah sentiasa di sebelah kirinya sepanjang tawaf.
7. Berjalan bertujuan tawaf semata-mata.
8. Tujuh kali pusingan dengan yakin.
9. Di dalam masjidil haram dan luar dari hijr Ismail.

# SUNAT-SUNAT DALAM TAWAF

1. Berjalan kaki tanpa alas.
2. *Idhthib`a* (lelaki)
3. Berlari-lari anak 3 pusingan pertama (lelaki) : Tawaf yang selepasnya saei
4. *Istilam* dan mencium hajar aswad jika dapat, sekiranya tidak maka *beristilam* dan mencium tangannya.
5. Membaca zikir atau Al-Quran dan tidak bercakap hal yang sia-sia.
6. Menyentuh rukun yamani.
7. Berturut-turut 7 pusingan.
8. Solat sunat tawaf 2 rakaat setelah selesai tawaf, di belakang maqam Ibrahim
9. Minum air zam zam



## JENIS-JENIS TAWAF (HUKUM)

- a. Tawaf qudum (Sunnah)
- b. Tawaf umrah (Rukun)
- c. Tawaf haji (Rukun)
- d. Tawaf Sunnah (Sunnah)
- e. Tawaf nazar (Wajib)
- f. Tawaf wada` (Wajib)

# SAEI

## (SAFA – MARWAH)

### SYARAT-SYARAT SAEI

1. Dilakukan selepas Tawaf yang sempurna.
2. Bermula dari bukit Safa dan berakhir di bukit Marwah.
3. Tujuh kali dengan yakin, dikira satu kali dari Safa (odd) ke Marwah (even).



### SUNAT-SUNAT SAEI

1. Memanjat naik ke bukit Safa dan Marwah.
2. Berdoa setiap kali di atas bukit safa dan marwah, Serta berzikir ketika ber-saei.
3. Mengadap kiblat dan mengangkat tangan ketika berdoa.
4. Berlari-lari anak antara dua tanda hijau. (lelaki)

# BERCUKUR (AL-HALQ) ATAU MEMENDEKKAN (AT-TAQSIIR) RAMBUT

- (*Halq*) atau bercukur bererti membuang kesemua rambut di kepala, adapun (*Taqsim*) bererti memendekkan seluruh rambut.
- Tujuannya adalah *tahallul* dari ihram.
- Bercukur khusus untuk laki-laki sahaja dan ianya lebih afdal dari hanya menggunting.
- Kadar yang wajib ialah menggugurkan 3 helai rambut.
- Bagi wanita pula, yang wajib hanyalah sekadar menggunting beberapa helai rambut dari hujung rambutnya.